



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**02 Jamadilakhir 1443 / 05 Januari 2022**

1. Pada hari ini, Rabu 02 Jamadilakhir 1443 bersamaan dengan 05 Januari 2022, dengan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala jua dan dengan rasa dukacita, Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa satu kes yang disahkan COVID-19 telah kembali ke rahmatullah.
2. Kes tersebut ialah seorang perempuan berumur 47 tahun. Beliau telah mengalami masalah pernafasan disebabkan oleh jangkitan COVID-19 dan telah menerima rawatan di unit rawatan intensif.
3. Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga kes berkenaan. Semoga roh kes dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama para salehin. Al-Fatihah...

(Bacaan Surah Al-Fatihah)

4. Pada hari ini sebanyak **16 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,532 orang**.
  - Daripada jumlah tersebut, **15** adalah kes tempatan manakala **1** adalah kes import.
  - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **2,568 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **0.6%**.
5. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **tidak ada kes dalam Kategori 4 dan Kategori 5**.
6. **12 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,331 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **100 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **2.4%**.
7. Sehingga kelmarin, 04 Januari 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:

- Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.6%**;
  - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **93.5%**; manakala
  - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **23.8%**.
8. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa tempahan bagi vaksinasi dos ketiga atau dos penggalak melalui aplikasi BruHealth akan dibukakan lagi pada esok, 6 Januari 2022 bermula pada jam 12:00 tengah hari bagi slot pada 8 Januari 2022 hingga 16 Februari 2022. Orang ramai yang ingin membuat tempahan dos ketiga hendaklah terlebih dahulu mengemaskini aplikasi BruHealth masing-masing melalui *Google Play Store* atau *App Store* bagi membolehkan tempahan untuk dibuat.

Walaupun bagaimanapun, pemberian dos ketiga secara *walk-in* adalah masih dibukakan kepada golongan warga emas, ibu-ibu mengandung dan orang kelainan upaya (OKU) sahaja.

9. Sementara itu, semasa pembukaan sesi persekolahan pada 3 Januari 2022, di mana fasa pertama pembukaan ini melibatkan pelajar-pelajar Tahun 10 hingga Tahun 13, sebanyak 9,790 penuntut telah menjalani ujian ART di sekolah-sekolah Kerajaan di seluruh negara

di mana Alhamdulillah, tiada kes positif COVID-19 telah dikesan. Daripada jumlah ujian ART yang telah dilakukan, sebanyak 2 ujian ART telah memberi ujian 'false positive' dan 15 ujian ART mengembalikan keputusan 'invalid'. Walau bagaimanapun, ujian RT-PCR susulan yang telah dibuat mengesahkan bahawa ujian-ujian tersebut adalah negatif bagi COVID-19.

10. Dalam pada itu, daripada 22 November 2021 sehingga 4 Januari 2022, kaedah *gene sequencing* telah dilakukan terhadap 350 sampel dari kes-kes positif yang dikesan di Negara Brunei Darussalam di mana 341 daripadanya didapati adalah varian *Delta* manakala 9 sampel telah disahkan varian *Omicron*. Ini bermakna terdapat tambahan 1 lagi kes *Omicron* dilaporkan di negara ini. Setakat ini, semua kes varian *Omicron* yang dikesan di negara ini adalah kes-kes yang diimport dari luar negara manakala kes-kes varian *Delta* adalah terdiri dari kes-kes tempatan dan luar negara.
11. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 10 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 4 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **kesemuanya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

12. Seterusnya, Jawatankuasa Pandu COVID-19 ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai dengan perubahan kadar bayaran caj ujian SARS-CoV-2 di Negara Brunei Darussalam bermula pada **1 Januari 2022.**

Kadar bayaran caj ujian SARS-CoV-2 ini dikenakan kepada sesiapa yang hendak membuat perjalanan keluar atau masuk ke negara ini, iaitu samada warga negara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam atau warga asing, seperti berikut:

- Bagi tujuan masuk ke negara ini, jumlah caj pembayaran sebanyak BND\$100 dikenakan bagi bayaran ujian swab RT-PCR dan ART semasa ketibaan.
- Bagi tujuan keluar dari negara ini, jumlah caj pembayaran sebanyak BND\$80 dikenakan bagi bayaran ujian swab RT-PCR.

13. Marilah kita terus memberi kerjasama dan mematuhi arahan pihak Kerajaan dalam menangani wabak COVID-19. Semoga rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sentiasa di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan terselamat dari segala bencana dan musibah, khususnya dari wabak COVID-19...Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 02 Jamadilakhir 1443H / 05 Januari 2022